

Bocor rahsia kerajaan satu ancaman — PM

PULAU PINANG 20 Julai — Kakitangan kerajaan yang didapati membocorkan rahsia kerajaan merupakan satu ancaman kepada keselamatan dan kestabilan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kakitangan kerajaan yang tidak amanah adalah cukup merbahaya dan "inilah yang kita khawatir."

Mengulas mengenai kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Mohd. Noor semalam bahawa polis kini sedang menyiasat bagaimanakah minit mesyuarat Kementerian Dalam Negeri mengenai Al-Arqam boleh jatuh ke tangan kumpulan itu, Dr. Mahathir berkata, kejadian itu jelas menunjukkan bahawa masih ada kakitangan kerajaan

yang simpati dengan perjuangan Arqam.

Kata beliau, kesetiaan kakitangan kerajaan yang seperti ini tidak boleh diharapkan lagi dan selepas ini akan membocorkan rahsia kerajaan kepada orang lain untuk mendapatkan sesuatu kepada diri sendiri.

Tindakan

"Soalnya, siapa yang kita dapati membocorkan rahsia kerajaan kepada orang lain akan dikenakan tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA)," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menambah, beliau baru mendapat maklumat lengkap mengenai kebocoran tersebut hari ini. Ia akan disiasat.

Mengenai kononnya Sheikhul Arqam, Ashaari Muhammad ada mengeluarkan arahan kepada

para pemimpin kanannya supaya melakukan rampasan kuasa semasa beliau (Ashaari) berangkat ke Mekah, Dr. Mahathir berkata, adalah wajar apabila para pengikut Sheikhul itu membelakangkan arahan tersebut.

"Saya berasa lega mendengar mereka tidak menurut arahan Ashaari. Kita yakin, apabila seseorang itu dapat menguasai fikiran satu kumpulan yang besar, lambat laun ia akan ada cita-cita besar untuk ambil alih kerajaan secara haram," ujar Dr. Mahathir.

Mengulas mengenai ajaran Al-Arqam, Dr. Mahathir berkata, sebenarnya selagi tumpuan mereka hanya kepada ajaran yang tidak bercanggah dengan Islam, itu tidaklah salah.

Dalam Malaysia, katanya, banyak kumpulan dakwah yang bergerak

dan kerajaan tidak menyekat aktiviti mereka kerana menghormati kebebasan agama tetapi bagi penganut Islam, apabila mereka menyimpang jauh dari ajaran agama ia sudah tentulah membahayakan umat Islam yang lain.

"Bila sampai ke tahap ini, kita (kerajaan) bertanggungjawab untuk bertindak," tegasnya.

Kumpulan

Ditanya, mengapakah baru sekarang kerajaan nampak hendak bertegas dengan kumpulan dakwah ini, Dr. Mahathir berkata, dulu Arqam tidak memperlihatkan sikap menyeleweng tetapi kini apabila mereka percaya bahawa Ashaari adalah bakal Imam Mahdi yang jelas tidak berasas sama sekali, kerajaan bertanggungjawab untuk bertindak.

1974

Kepada soalan yang mengatakan kononnya Arqam dahulu memberikan undi mereka kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) Perdana Menteri menjelaskan, soal memberi undi bukanlah isu lagi jika orang tersebut melakukan satu kesalahan.

"Kita tidak boleh kata hanya oleh kerana mereka memberi undi kepada kita maka kita juga tidak boleh mengambil tindakan walaupun satu kesalahan telah dilakukan," jelas Dr. Mahathir.

Berhubung tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas Al-Arqam, Dr. Mahathir berkata, pertama ialah untuk membetulkan kembali akidah mereka. Jika tidak ada yang mahu kembali ke pangkal jalan barulah kerajaan kena ambil satu tindakan lain.